

# Perlu bijak urus masa

Harian metro 10/7/2010

## Pensyarah luang masa 3 jam sehari siapkan tesis



>>Oleh Ibrahim Isa  
ibrahim@hmetro.com.my

**B**ATU PAHAT: Berikan tumpuan dan sentiasa meluangkan masa membuat kajian walaupun seseorang itu bekerja dalam bidang sama dengan subjek diambil.

Begitu pesanan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pendidikan Teknik dan Vokasional, Prof Madya Dr Mohd Yusop Ab Hadi yang juga antara 242 penerima pelbagai ijazah sempena Majlis Konvokesyen Kesembilan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal itu berkata, memang sukar untuk melanjutkan pelajaran bagi mereka yang sudah bekerja kerana perlu bijak membahagikan masa.

“Sebagai pensyarah, saya perlu memberi tumpuan kepada kuliah dan pada sama sama, tetap mengulang kaji dan membuat kajian bagi memastikan dapat menyiapkan tesis dengan sempurna.



**YUSOP...tumpuan penting dalam pembelajaran**

“Berikutan itu, saya mengambil masa lima tahun bagi menyiapkan tesis bertajuk ‘Kesediaan pelajar Institut Latihan Perindustrian menjadi K-Workers bagi memenuhi keperluan industri di negara ini’.

“Kajian meliputi dua kumpulan responden iaitu pekerja atau pelajar Institut Latihan Perindustrian dan kumpulan industri,” katanya.

Melalui tesis itu, beliau mendapati pelajar yang keluar dari Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan institusi lain berkaitan teknikal dan vokasional mampu memenuhi kehendak industri negara.

Bagaimanapun, katanya,

tenaga pakar dalam bidang berkaitan banyak kekurangan dan ia perlu diselesaikan segera.

Menurutnya, walaupun mengajar dalam bidang sama, namun beliau tetap meluangkan masa tiga jam sehari untuk melakukan kajian bagi memastikan tidak terlepas sebarang aspek.

Katanya, bagi yang bercajangan melanjutkan pelajaran, mereka perlu tekun dan paling penting, jangan memandang ringan setiap subjek walaupun mereka bekerja dan berpengalaman dalam bidang berkenaan.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Syamsheila Salim, 22, berkata keinginan menyamai pencapaian kakaknya yang kini mengejar Sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM), membaratkan semangatnya untuk berusaha berprestasi-sungguh.

Katanya, pencapaian kakak banyak membaratkan semangatnya dan selepas berjaya memperoleh Sarjana Muda, dia bercadang melanjutkan pelajaran tidak lama lagi.

“Kejayaan ini hadir berkat kerja keras dan sokongan keluarga serta rakan-rakan yang banyak membantu selama ini,” katanya.